



EDDY (duduk tengah), Jamal (duduk kiri) bersama jawatankuasa pengajur merakamkan kenangan selepas perasmian program itu.

Khidmat kesihatan penduduk kampung

► Penduduk Kg Taginambur kongsi pengetahuan dalam Kem Kesihatan

KOTA BELUD: Pusat Rawatan Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun ini memilih Kampung Taginambur Kota Belud sebagai destinasi untuk program Kem Kesihatan pusat berkenaan.

Pengarah Hospital Kota Belud Dr. Eddy Tong Kwan Meng berkata, kem itu dilaksanakan untuk memastikan pengetahuan tentang kesihatan diambil berat oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya penduduk setempat.

Pada masa sama katanya, ia membantu mengerakkan jalanan kerjasama dan silaturahim antara UMS dan masyarakat di daerah itu.

Menurutnya, program berkenaan mampu memberi banyak manfaat kepada

“Ia bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan penduduk berkenaan penjagaan kesihatan malah membantu mencegah penyakit demam dengegi yang semakin menular di negara kita.”

DR. EDDY TONG KWAN MENG
Pengarah Hospital Kota Belud

penduduk kampung untuk mengetahui lebih lanjut tentang kesihatan dan amalan hidup sihat.

“Saya sentiasa menyokong program seperti ini yang dianjurkan oleh badan-badan atau agensi yang berkaitan dengan kesihatan terutamanya di kawasan luar bandar.

“Ia bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan

penduduk berkenaan penjagaan kesihatan malah membantu mencegah penyakit demam dengegi yang semakin menular di negara kita,” katanya ketika berucap merasmikan program itu di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kem itu termasuklah pemeriksaan kolestrol, Indeks Massa Tubuh (BMI) serta tekanan darah



PENDUDUK Kampung Taginambur Kota Belud tidak melepaskan peluang bergambar bersama ahli jawatankuasa pengajur.

penduduk berkenaan penjagaan kesihatan malah membantu mencegah penyakit demam dengegi yang semakin menular di negara kita,” katanya ketika berucap merasmikan program itu di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Pusat Rawatan Warga UMS Mohd Jamal Atong berkata, program

Kem Kesihatan itu dilihat berjaya mencapai matlamat pengajurannya mengikut objektif yang digariskan iaitu berkhidmat kepada masyarakat dalam penjagaan kesihatan.

“Kami di Pusat Rawatan Warga sangat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya penduduk Kampung Taginambur Kota

Belud kerana bersama-sama menjayakan program ini.

“UMS akan berusaha untuk menjalankan lebih banyak program pada masa akan datang bagi berkongsi pengetahuan serta memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di Sabah,” katanya.

Kira-kira lebih 100 penduduk

kampung dari pelbagai lapisan umur menghadiri kem berkenaan dan menjalani pemeriksaan kesihatan yang disediakan.

Kebanyakan penduduk kampung berpuas hati dengan layanan mesra serta pelbagai perkhidmatan yang disediakan untuk mereka semasa kem itu dijalankan.